

Headline	'Tak sempat joli'		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	04 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Page No	37
ArticleSize	195 cm <sup>2</sup>	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 4,098		



# 'Tak sempat joli'

*Penjenayah dicekup polis kurang daripada 24 jam*

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

## KEPALA BATAS

**B**elum sempat menikmati hasil samun, seorang penjenayah dicekup polis kurang daripada 24 jam setelah suspek dipercayai terlibat dalam kes samun menyebabkan kecederaan ke atas seorang warga emas di Pajak Song di sini.

Suspek sebelum itu berpura-pura mahu menjemput mangsa dan suami ke kenduri doa selamat dan meminta untuk minum air kerana dahaga.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, ketika kejadian mangsa yang merupakan warga emas itu dipercayai berada seorang diri di rumah.

"Suspek menaiki sebuah kereta jenis Perodua Axia berwarna perak dan memperkenalkan diri seorang pekerja TNB.

"Suspek kemudiannya menjemput mang-

sa untuk hadir ke kenduri doa selamat dan seterusnya meminta segelas air untuk minum," katanya.

Katanya, suspek kemudiannya bertindak menyerang mangsa dan menolak mangsa sehingga mangsa terjatuh ke atas lantai.

"Suspek terus melarikan diri dan mangsa baru sedari rantai tangan emas yang dipakai diambil oleh suspek, mangsa mengalami kerugian lebih kurang RM5000.

"Paha kanan mangsa patah, mangsa mendapatkan pemeriksaan di Hospital Kepala Batas," katanya.

Menurutnya hasil soal siasat, suspek dipercayai terlibat dengan empat kes jenayah di sekitar Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan Kulim.

"Suspek menggunakan modus operandi memperkenalkan diri seorang pekerja TNB dan

berpura-pura mengenali dan menjemput mangsa menghadiri kenduri di rumah suspek sebelum melakukan perbuatan jenayah.

"Hasil ujian awal saringan air kencing terhadap suspek mendapati suspek negatif dadah namun mempunyai tujuh rekod jenayah lampau atas pelbagai kesalahan," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan.



NOORZAINY